

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

Akaun Bersama e-Deposit Tetap-i ("Akaun Bersama eFD-i")

- 1. Berapa orang pemegang akaun dibenarkan untuk Akaun Bersama eFD-i?**
Hanya dua (2) orang pemegang akaun dibenarkan untuk Akaun Bersama eFD-i.
- 2. Adakah Akaun Bersama eFD-i terbuka untuk remaja (berumur kurang daripada 18 tahun)?**
Tidak, kedua-dua pemegang Akaun Bersama eFD-i mesti berumur 18 tahun dan ke atas.
- 3. Apakah syarat kelayakan untuk membuka Akaun Bersama eFD-i?**
Kedua-dua pemegang akaun mesti mempunyai Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i yang aktif dengan nama yang sama dan mandat pengendalian salah seorang untuk tandatangan. Kalau anda tidak mempunyai Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i, anda boleh memohon untuk membuka akaun di mana-mana cawangan HLB/HLISB.
- 4. Bolehkah saya memohon untuk membuka Akaun Bersama eFD-i jika Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i saya melebihi 2 nama?**
Tidak, syarat kelayakan untuk Akaun Bersama eFD-i hanya terbuka untuk Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i dengan 2 nama dan mandat pengendalian salah seorang untuk tandatangan.
- 5. Bolehkah saya memohon untuk membuka Akaun Bersama eFD-i jika Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i saya adalah dalam 2 nama tetapi dengan mandat pengendalian tandatangan bersama?**
Tidak, syarat kelayakan untuk membuka Akaun Bersama eFD-i adalah terbuka untuk Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i yang aktif dengan mandat pengendalian salah seorang untuk tandatangan.
- 6. Adakah saya perlu mengunjungi cawangan bank untuk membuka Akaun Bersama eFD-i?**
Tidak, anda hanya perlu memohon pembukaan Akaun Bersama eFD-i melalui HLB Connect Online (laman sesawang).
- 7. Bolehkah saya memohon pembukaan Akaun Bersama eFD-i melalui aplikasi HLB Connect?**
Akaun Bersama eFD-i hanya tersedia melalui HLB Connect Online buat masa sekarang.

8. **Saya telah memohon untuk membuka Akaun Bersama eFD-i melalui HLB Connect Online. Bagaimana pemegang akaun bersama diberitahu mengenai permohonan tersebut?**

HLB/HLISB akan menghantar notifikasi permohonan anda melalui mesej in-app kepada pemegang akaun. Pemegang akaun hanya perlu bersetuju dan memberi kebenaran untuk pembukaan Akaun Bersama eFD-i melalui AppAuthorise di HLB Connect Online dalam tempoh tujuh (7) hari selepas permohonan dibuat.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [SINI](#) untuk panduan langkah demi langkah.

9. **Tiada Akaun Bersama Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i disenaraikan untuk pilihan. Mengapakah ini berlaku?**

Ini mungkin kerana anda tidak mempunyai Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i yang memenuhi syarat kelayakan yang dikenakan. Sila semak ringkasan akaun anda melalui HLB Connect.

10. **Apa akan terjadi jika pemegang akaun bersama tidak memberi persetujuan untuk membuka Akaun Bersama eFD-i?**

Pelanggan diberi tujuh (7) hari untuk memberi persetujuan melalui AppAuthorise sebelum Akaun Bersama eFD-i dibuka. Jika permohonan anda tidak mendapat persetujuan dalam tujuh (7) hari, permohonan tersebut akan luput dan anda perlu membuat permohonan baharu.

11. **Bolehkah saya menukar butiran Akaun Bersama eFD-i seperti menambah/mengurangkan nama atau menukar mandat pengendalian melalui HLB Connect atau di cawangan bank?**

Penukaran butiran Akaun Bersama eFD-i adalah tidak dibenarkan. Butiran akaun akan kekal seperti semasa akaun tersebut dibuka.

12. **Bolehkah saya memindahkan dana dari akaun persendirian (nama tunggal) saya untuk peletakan Akaun Bersama eFD-i?**

Ya, anda boleh meminda dana dari akaun persendirian (nama tunggal) anda untuk peletakan Akaun Bersama eFD-i selepas pembukaan Akaun Bersama eFD-i.

13. **Bolehkah saya memilih Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i persendirian (nama tunggal) untuk tujuan pengkreditan amaun pokok dan keuntungan untuk peletakan eFD-i Bersama?**

Tidak, amaun pokok dan keuntungan untuk peletakan eFD-i Bersama mesti dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i (yang mana berkenaan) dengan nama yang sama untuk kedua-dua pemegang akaun.

14. Saya mempunyai satu Akaun eFD-i persendirian dan satu Akaun Bersama eFD-i. Bagaimanakah saya membezakan akaun eFD-i untuk peletakan?

Anda boleh rujuk kepada akaun pengkreditan (Credit ing Account) semasa peletakan dibuat. Untuk Akaun Bersama eFD-i, nama kedua-dua pemegang akaun akan dipaparkan.

15. Atas sebab peribadi, saya ingin menukar mandat pengendalian untuk semua akaun deposit saya kepada tandatangan bersama. Bolehkah saya lakukan terhadap Akaun Bersama eFD-i saya?

Mandat pengendalian untuk Akaun Bersama eFD-i adalah terhadap kepada salah seorang untuk tandatangan sahaja. Untuk mana-mana peletakan eFD-i yang belum matang, peletakan eFD-i tersebut akan berterusan dan amaun prinsipal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan / - i yang ditentukan apabila matang.

Ahli PIDM. Akaun eDeposit Tetap-i dan Akaun eDeposit Tetap-i Bersama adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (sila rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan oleh PIDM](#)).

Jika anda mempunyai pertanyaan lain mengenai Akaun Bersama eFD-i, sila rujuk halaman produk [eDeposit Tetap-i](#) atau emel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.